

Berita Manmin

NO. 1 13 FEBRUARI 2022



“Ibu Saudara Saya Secara Ajaib Terselamat daripada Kematian”

Pendeta Arao Hanga Mukumbi (Usia 53, Gereja Manmin Angola)

Pada 14 Disember 2021, saya menerima satu panggilan kecemasan daripada sepupu saya. Dia mengatakan bahawa ibu saudara saya (Alice Ndandu, usia 79) yang telah jatuh sakit sejak awal Disember telah dimasukkan ke hospital.

Saya meminta sepupu saya untuk membenarkan saya bercakap dengan doktor. Doktor itu memberitahu saya bahawa bahagian memori dan medulla oblongata pada bahagian bawah otak ibu saudara saya telah rosak teruk; bahagian yang banyak tisu saraf terkumpul dan bertanggungjawab dalam banyak fungsi seperti degupan jantung, pernafasan dan pengaturan suhu badan. Tubuhnya mulai mereput, dan jika bakteria ususnya bertumbuh dengan cepat, dia akan mati dalam masa 72 jam.

Ibu saudara saya membesarkan saya seperti anaknya sendiri sejak saya belajar di sekolah rendah hingga sekolah menengah, jadi saya berasa takut akan kehilangan ibu saudara yang saya kasihi. Dengan bantuan anak perempuan saya yang tinggal di Amerika Syarikat, saya membayar bil hospital dan rawatan untuk memulakan

rawatan ibu saudara saya dengan segera. Para doktor mencuba pelbagai rawatan dalam unit kawalan rapi. Namun begitu, keadaan ibu saudara saya bukan sahaja tidak bertambah baik malah cecair tengik mengalir keluar daripada tubuhnya membasahi pakaiannya dan cadar.

Saya secara sukarela menterjemahkan Berita Manmin, akhbar penginjilan Gereja Pusat Manmin, ke dalam bahasa Portugis. Saya juga menterjemahkan Berita Manmin (NO.113) pada hari tersebut. Kesaksian Diakon Hyangsook Kang tentang pokok cilinya yang bertumbuh melebihi 2 meter dan mengeluarkan banyak buah cili sehingga memperoleh tuaian yang lumayan dengan memasang rakaman doa Dr. Jaerock Lee telah menambat hati saya.

Saya dengan serta-merta berhenti melakukan kerja terjemahan. Hal ini demikian kerana saya berfikir, ‘Sekiranya saya membolehkan ibu saudara saya mendengar doa hamba Tuhan, walaupun dia sedang berada di ambang kematian, dia pasti akan hidup kembali.’ Saya berlutut dan berdoa pertaubatan, menyiapkan ibu saudara saya untuk menerima doa hamba Tuhan.

Saya memasang video doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit dalam komputer

saya dan meletakkan gambar ibu saudara saya di hadapan komputer itu. Kemudian, dengan menatap mata Dr. Jaerock Lee, saya menerima doa beliau berulang-ulang kali. Saya menelepon sepupu saya di hospital dan memberitahunya untuk meletakkan telefon bimbitnya ke telinga ibu saudara saya supaya dia dapat menerima doa yang saya pasang berulang-ulang kali.

Tiga hari kemudian, sesuatu yang menakjubkan berlaku. Tubuh ibu saudara saya mulai bergerak, dan dia sedar, dapat membuka matanya dan bertutur dengan suara perlahan. Haleluyah!

Sepupu saya berasa sangat gembira sehingga dia menelefon saya dan memberitahu saya tentang berita itu. Saya berkata bahawa ibu saudara saya harus berterusan menerima doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit sehingga dia pulih dengan sepenuhnya.

Pada hari berikutnya, 18 Disember, saya berbual dengan doktor melalui telefon. Dia memberitahu saya, “Pastor, ibu saudara kamu sudah sedar. Keadaannya bertambah baik dan ingatannya telah pulih. Pastor kamu sememangnya hamba Tuhan!” Haleluyah!

Saya bertanya doktor sama ada saya dapat bercakap dengan ibu saudara saya atau tidak, dan dia mengatakan ya. Saya berasa sangat gembira mendengar suara ibu saudara saya. Saya bertanya, “Kamu kenal saya atau tidak?” dan ibu

saudara saya menjawab, “Ya, anak. Kamu ialah anak saudara saya, Arao.” Kemudian dia berkata, “Saya terjaga daripada tidur yang nyenyak dan damai. Saya mendengar suara lembut seorang lelaki dari kejauhan, memberitahu saya berulang-ulang kali supaya bangun. Selepas itu, jiwa saya kembali ke tubuh saya.”

Saya bersorak “Haleluyah!” dengan suara kecil. Pada hari itu, ibu saudara keluar dari hospital. Sekarang dia dapat makan dan dapat berjalan sendiri serta dalam proses pemulihan.

Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan Yesus kerana menyembuhkan ibu saudara saya. Saya memberi ucapan syukur dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang telah menyelamatkan ibu saudara melalui doa Dr. Jaerock Lee, hamba Tuhan.

Saya juga berterima kasih kepada Diakon Hyangsook Kang yang telah memberi kesaksiannya dalam Berita Manmin. Saya dapat menerima jawapan dengan mencontohi kesaksiannya. Haleluyah!



Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan kerja Tuhan Trinititi: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)
 “Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)



Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Tuhan Pencipta

“Pada mulanya ketika Allah mula menciptakan alam semesta.”
(Kejadian 1:1)

Jika anda ialah seorang Kristian, anda mesti faham dengan jelas mengapa Tuhan Pencipta meletakkan pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat di dalam Taman Eden, mengapa Yesus ialah satu-satunya Penyelamat bagi manusia, dan mengapa Tuhan menjadikan Neraka.

Gereja-gereja harus memberi jawapan bagi pertanyaan tentang tiga topik ini dan mengajar orang Kristian tentang rencana penyelamatan melalui salib yang meliputi perkara yang mendalam dan misteri yang tersembunyi sebelum dunia ini diciptakan. Hanya dengan demikian mereka dapat mempunyai iman yang sejati. Perkara yang paling utama ialah mereka harus mengenali Tuhan Pencipta dengan jelas.

1. Tuhan yang menciptakan langit, bumi dan segala isinya

Sesetengah orang di dunia ini mendakwa bahawa tiada tuhan. Sesetengah pula menyembah tuhan yang dibuat oleh manusia mengikut imaginasi mereka atau imej makhluk yang tertentu. Namun begitu, satu-satunya Tuhan yang sejati ialah Tuhan kita Sang Pencipta.

Tuhan benar-benar wujud walaupun Dia tidak kelihatan pada mata kasar kita. Dia ialah Pencipta dan Penguasa bagi segala-galanya yang ada di dalam alam semesta termasuk manusia dan Dia ialah Hakim. Dia melangkaui manusia yang sekadar makhluk dan Dia tidak terukur. Bukanlah tugas yang mudah bagi manusia untuk memberi penjelasan tentang Tuhan. Walaupun dengan banyak perbincangan dan kajian, manusia dengan pengetahuannya yang terbatas tidak dapat memahami Tuhan dengan sepenuhnya. Namun begitu, Alkitab memberi jawapan yang jelas bagi semua persoalan ini.

Kejadian 1:1 memberitahu kita, “Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.” (petikan daripada Alkitab terjemahan bahasa Indonesia). Daripada keadaan tanpa apa-apa, dalam masa enam hari Tuhan menciptakan langit dan bumi dengan Firman-Nya sahaja. Pada hari keenam iaitu hari terakhir penciptaan, Dia menciptakan Adam, manusia yang pertama.

Oleh sebab manusia diciptakan oleh Tuhan, manusia secara naluri dari dalam hatinya dapat merasakan dan mengenal kewujudan sesetengah makhluk supernatural. Kita dapat lihat dalam Pengkhotbah 3:11, “Ia membuat segala sesuatu indah pada waktu, bahkan Ia memberikan kekekalan dalam hati mereka” (petikan daripada Alkitab terjemahan bahasa Indonesia). Dengan Tuhan “memberikan kekekalan dalam hati mereka”, orang yang mempunyai hati nurani yang baik mengakui dan mencari tuhan walaupun tanpa mendengar atau mengetahui tentang Tuhan.

Roma 1:20 menyatakan, “Sejak Allah menciptakan dunia, sifat-sifat Allah yang tidak kelihatan, baik kuasa-Nya yang kekal mahupun keadaan-Nya sebagai Allah, dapat difahami oleh manusia melalui segala yang sudah diciptakan-Nya. Oleh itu manusia sama sekali tidak mempunyai dalih untuk membela diri.” Sebagaimana ayat ini mengingatkan kita, walaupun tanpa melihat Tuhan, kita dapat mengetahui bahawa Tuhan Pencipta adalah hidup dan hanya ada satu Pencipta.

2. Bukti-bukti yang membolehkan kita percaya kepada Tuhan Pencipta

Pertama, manusia daripada pelbagai kaum dan etnik di dunia ini mungkin kelihatan berbeza, bertutur dalam bahasa yang berbeza, berasal daripada latar belakang budaya yang berbeza dan mempunyai warna kulit yang berbeza. Namun begitu, setiap individu di bumi adalah sama dari segi semua orang mempunyai dua mata, dua telinga, satu hidung, dan satu mulut serta semua bahagian ini terletak pada kedudukan yang sama bagi semua manusia. Selain itu, walaupun ada sedikit perbezaan dalam kalangan binatang, burung, serangga dan ikan menurut ciri-cirinya yang khusus, namun pada dasarnya semua makhluk ini mempunyai bentuk yang sama yang membuktikan bahawa semua makhluk ini direka dan dibentuk oleh satu-satunya Pencipta.

Sekiranya terdapat beberapa pencipta, setiap satu pencipta mungkin menentukan dan mencipta bentuk dan fungsi manusia dan binatang mengikut pilihan peribadi masing-masing. Sebaliknya, penyokong teori

evolusi mendakwa bahawa manusia berkembang daripada binatang yang lebih tinggi, yang seterusnya telah berkembang daripada bentuk kehidupan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, seperti yang dapat kita lihat dalam Kejadian 1:21, “Demikianlah Allah menciptakan binatang raksasa laut, dan semua jenis makhluk yang hidup di dalam air, serta semua jenis burung. Allah berpuas hati melihat hal itu,” dari mulanya Tuhan menciptakan semua makhluk mengikut jenisnya.

Makhluk di darat tidak berkembang daripada ikan, dan burung tidak berkembang daripada makhluk di darat. Manusia tidak berkembang daripada beruk; beruk diciptakan sebagai beruk sejak permulaan, dan manusia diciptakan sebagai manusia sejak permulaan. Daripada semua makhluk, hanya manusia diciptakan menurut gambaran Tuhan dengan mempunyai roh, jiwa dan tubuh. Tidak kira betapa beruk mungkin menyerupai manusia, beruk itu tidak memahami atau menyembah Tuhan seperti cara manusia yang mempunyai roh yang dapat menyembah-Nya.

Seterusnya, bukti yang terdapat dalam fenomena alam membuktikan “Tuhan Pencipta” dengan sangat jelas. Dengan putaran dan peredaran Bumi, pelbagai fenomena yang sistematik termasuk perubahan malam dan siang, empat musim, air pasang dan surut dan peredaran udara berlaku.

Kedudukan dan pergerakan cakerawala telah diwujudkan untuk mencipta persekitaran yang paling sesuai untuk menyokong semua bentuk kehidupan, termasuk manusia. Jarak antara matahari dan bumi, atau jarak antara bumi dan bulan adalah yang paling sesuai: matahari, bumi dan bulan tidak terlalu jauh dan juga tidak terlalu dekat antara satu sama lain, dan tanpa sedikit pun kesilapan telah berputar dan beredar untuk masa yang sangat lama. Alam semesta ini tidak dicipta secara tidak sengaja oleh beberapa “Big Bang” sepertimana yang diusulkan oleh penentang teori evolusi.

Sebagai contoh, kita tahu bahawa jam terdiri daripada pelbagai bahagian yang dipasang dengan teliti dan beroperasi dengan sewajarnya. Katakan seseorang berhujah, “Pada masa letusan gunung berapi, semua bahagian di dalam jam ini berkumpul dengan sendirinya dan mula beroperasi.” Adakah sesiapa percaya cerita itu? Jadi, bagaimana mungkin alam semesta ini yang kita diami, yang lebih rumit daripada jam, telah wujud dengan sendirinya dan mula beroperasi secara teratur?

Semua ini dapat terjadi kerana semua yang ada di dalam alam semesta ini telah direka, dicipta dan beroperasi dengan kebijaksanaan Tuhan. Atas sebab-sebab ini, tiada sesiapa dapat memberi alasan kepada Tuhan pada Hari Penghakiman dengan berkata, “Saya tidak menyangka Engkau benar-benar wujud!”

3. Sebab manusia tidak dapat percaya kepada Tuhan

Jadi, mengapakah sesetengah orang masih enggan percaya kepada Tuhan walaupun mereka menyaksikan

bukti-bukti penciptaan yang begitu jelas? Orang cenderung untuk hanya percaya kepada benda yang dapat dilihat oleh mata mereka dan ketara dalam tangan mereka. Mereka menerima perkara-perkara yang dapat difahami oleh mereka dengan pengetahuan dan pemikiran mereka. Mereka tidak akan percaya tentang kewujudan Tuhan yang tidak kelihatan, mukjizat dan perkara luar biasa yang alkitabiah atau sebagainya yang semuanya di luar kemampuan manusia. Namun begitu, segala-gala yang ada di dalam Alkitab adalah benar.

Seperti yang dinyatakan oleh Yesus dalam Yohanes 4:48, “Jika kamu semua tidak melihat mukjizat dan perkara yang luar biasa, kamu tidak percaya,” hanya apabila orang menyaksikan mukjizat dan perkara yang luar biasa yang tidak dapat terjadi dengan kemampuan manusia barulah pengetahuan dan kerangka pemikiran mereka akan berkecai. Apabila orang melihat, mendengar dan mengalami perkara-perkara yang tidak mampu dilakukan oleh manusia, mereka akan mengakui hakikat bahawa Firman Tuhan ialah kebenaran.

Melalui manifestasi kuasa-Nya yang tidak terkira banyaknya, Tuhan telah berulang-ulang kali menyatakan kepada tokoh-tokoh alkitabiah bahawa Dia wujud. Kepada Firaun Mesir dan pengikutnya yang tidak percaya, Tuhan mendedahkan diri-Nya melalui Sepuluh Bencana. Tuhan Yesus membuktikan bahawa Dia ialah Anak Tuhan melalui manifestasi mukjizat dan perkara yang luar biasa, manakala Rasul Paulus menyembuhkan orang yang sakit dan lemah, mengusir keluar roh-roh jahat, dan menghidupkan semula orang yang mati demi nama Yesus Kristus.

Manifestasi kerja Tuhan juga perlu dalam generasi kita. Bagi orang bukan Kristian, kuasa Tuhan ialah bukti yang pasti yang dapat menuntun mereka untuk percaya kepada Tuhan Pencipta yang hidup. Sejak penubuhannya, banyak mukjizat dan perkara yang luar biasa telah dimanifestasikan di Gereja Pusat Manmin dan manifestasi kuasa Tuhan yang lebih besar telah berlaku seiring dengan peredaran masa.

Saudara dan saudari dalam Kristus, bukti kewujudan Tuhan dinyatakan dengan jelas dalam setiap makhluk di dalam alam semesta, dalam mukjizat dan perkara yang luar biasa, dan dalam manifestasi kuasa-Nya. Dengan rasa hormat akan Tuhan dan hidup menurut perintah-Nya, saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda mengalami pekerjaan Tuhan dan memberi kemuliaan kepada-Nya tanpa kekangan.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

www.manminnews.com

E-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

URIMBOOKS SIBU JAYA



Diakon Donny Yii Sing Chin
(ketiga dari kiri) dan anggota keluarganya

“Saya mahu menyebarkan injil kesucian dengan buku-buku Dr. Jaerock Lee.”

Diakon Donny Yii Sing Chin
(Gereja Manmin Sibu Jaya, Malaysia)



Oleh sebab saya berasa sangat tersentuh oleh buku-buku Dr. Jaerock Lee, saya telah menjual buku-buku beliau dalam pelbagai pesta kebudayaan sejak tahun 2013. Saya juga mempunyai harapan untuk membuka sebuah kedai buku dan gereja Manmin di Sibu Jaya.

Apabila saya melawat Korea pada tahun 2018, saya telah bertemu dengan staf Urim Books iaitu sebuah syarikat penerbitan buku yang berkongsi injil menerusi buku-buku Dr. Jaerock Lee. Saya berbincang dengan staf Urim Books berkenaan pengurusan kedai buku. Sebaik sahaja saya kembali ke Malaysia, saya telah membatalkan kontrak sewa di tingkat 2 dan 3 bangunan milik saya dan mula mengubah suai bangunan untuk dijadikan kedai buku dan gereja.

Saya tidak mempunyai kewangan yang mencukupi pada waktu itu tetapi saya berusaha sebaik mungkin dengan semangat yang kuat untuk menyebarkan injil. Saya menghadapi masalah kewangan sewaktu kerja pengubahsuaian tetapi situasi mulai

berubah pada tahun 2020 apabila kami berterusan melakukannya dengan iman.

Sebahagian hartanah saya dapat dijual dengan harga yang baik, jadi saya dapat melunaskan semua hutang saya. Saya juga dapat menyewakan kedai makan yang saya usahakan sebelum ini dengan bayaran sewa yang baik. Pada masa ini, hartanah saya termasuk kedai makan telah saya sewakan. Syukurlah dengan sewa tersebut keluarga saya tidak mempunyai kerisauan tentang perbelanjaan hidup, jadi kami dapat memberi fokus kepada tugas pelayanan dan kedai buku.

Akhirnya, kerja pengubahsuaian gereja siap sepenuhnya pada akhir tahun lepas. Kami beribadat di situ dan kedai buku juga telah dibuka pada 7 Januari.

Saya tidak mampu melakukan apa-apa tetapi semuanya dapat dilakukan dengan rahmat daripada Tuhan Bapa dan Yesus Kristus. Saya berharap agar saya dapat menginjili dunia dengan erat bersatu dengan Manmin melalui pelayanan kedai buku dan gereja.



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Urim Books
Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

“Berkat berlimpah-limpah dalam perniagaan saya kerana saya berniaga mengikut cara Tuhan!”

Diakon Dukyoung Kim (Usia 48, Paroki 1)



Pada penghujung tahun 2017, perniagaan CCTV saya menghadapi masalah dan saya berhadapan dengan krisis penutupan syarikat pada bulan Mac 2018. Pada masa itu, saya berasa kuaratir untuk menghadapi hari keesokannya. Saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel Khas yang diadakan sejak 26 Februari dan berdoa dengan sungguh-sungguh bertaubat atas masa lalu saya.

Saya bertaubat kerana saya tidak sepenuhnya mentaati Firman Tuhan dan menjalani kehidupan saya berdasarkan kehendak saya sendiri dan cara yang saya mahu walaupun saya telah lama menghadiri gereja Manmin. Apabila saya terfikir tentang Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee yang selalu mengajar kita untuk hidup berdasarkan Firman Tuhan dan memimpin kita dengan kasih, saya berasa sungguh menyesal dan malu. Saya berdoa dengan sungguh-sungguh, “Bantulah seluruh anggota keluarga saya untuk menjalani kehidupan Kristian yang baik walaupun dalam situasi yang sukar.” Pada malam itu, Pastor Kanan muncul dalam mimpi saya.

Dalam mimpi tersebut,

seseorang memberitahu saya bahawa Pastor Kanan sedang menunggu saya lalu saya mengikutinya. Pastor Kanan sedang memancing di sebuah tasik. Apabila beliau nampak saya, beliau memberikan saya sebuah pancing. Namun begitu, saya tidak mendapat ikan walaupun saya menurunkan tali pancing saya untuk suatu tempoh. Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee dapat memancing banyak ikan dan memasaknya dengan enak untuk saya. Beliau berkata, “Bawalah sedikit apabila kamu balik nanti.” Hati saya berasa damai selepas mimpi itu. Kemudian, pembiayaan kerajaan diluluskan dan kilang saya dapat beroperasi semula.



Saya membuat keputusan untuk mengikut jalan Tuhan dan bukan jalan saya sendiri. Walau bagaimanapun, saya tidak mengetahui jalan Tuhan secara khusus. Pada suatu hari Ahad pada bulan Disember 2018, saya menonton Perjumpaan Puji-pujian Khas yang dipimpin oleh Pemangku Pastor Kanan Dr. Soojin Lee. Tidak seperti sebelumnya, kata-kata beliau sangat menyentuh hati saya dan saya bertaubat sepenuhnya

dengan linangan air mata. Tuhan memberikan saya pengetahuan melalui apa yang telah saya putuskan pada hari sebelumnya kerana saya mahu menjalankan perniagaan saya mengikut jalan Tuhan Bapa.

Saya berdoa, “Tuhan Bapa! Saya begitu bodoh kerana saya tidak memahami kehendak Tuhan dan tidak mendengar suara Roh Kudus dengan baik. Mulai sekarang, bantulah saya untuk mendengar dengan telinga saya tentang jalan yang menyenangkan hati Engkau.” Selepas itu, Tuhan membantu saya untuk mendengar pelbagai nasihat iman daripada kakak saya, Diakon Kanan Eunjung Kim. Saya memahat kata-kata itu dalam hati saya dan suka mengikut jalan yang menyenangkan hati Tuhan.



Pada penghujung tahun 2019, saya mendengar daripada kakak saya bahawa Sekolah Minggu Kanak-kanak memerlukan seorang sukarelawan dan saya mencadangkan isteri saya, Diakon Sung-Ae Lee. Sekarang apabila saya merenung kembali, kelihatannya Tuhan membantu kami menyediakan diri untuk menerima berkat dan bermula daripada perkara ini.



Persembahan bunga yang diberi oleh Diakon Dukyoung Kim kepada Tuhan Bapa dengan hatinya yang bersyukur

Pada permulaan tahun 2020, saya berpeluang untuk menerima doa daripada Pemangku Pastor Kanan Dr. Soojin Lee. Semuanya berjalan dengan baik dan saya sangat diberkati. Walaupun tahun 2021 merupakan tahun yang sukar bagi semua orang akibat COVID-19 namun saya dapat merasakan bahawa Tuhan melindungi saya dengan kasih dan berkat.

Pada 7 Jun, dengan nasihat daripada pastor paroki saya, saya dan isteri saya menerima doa daripada pastor paroki utama menggunakan sapu tangan dengan kuasa Tuhan yang telah didoakan oleh Dr. Jaerock Lee (Kis. 19:11-12). Dua hari kemudian, kami menerima berkat pesanan pukal yang tidak dirancang. Namun begitu, sewaktu proses pemeriksaan bahan, saya mendapat panggilan telefon daripada syarikat semikonduktor. Saya diberitahu bahawa adalah sukar untuk mendapatkan bekalan semikonduktor. Pada masa itu, terdapat kekurangan

bekalan semikonduktor di seluruh dunia.

Selepas saya menerima doa daripada pastor paroki utama pada 12 Jun, dalam doa saya merenung kembali perkara yang menyenangkan hati Tuhan. Kemudian, acara gereja "Pertandingan Puji-pujian Manmin" terlintas dalam fikiran saya dan saya memberi persembahan untuk acara itu pada 15 Jun. Tanpa saya sangka, pada hari keesokannya saya mendapat tahu bahawa ada jaminan bekalan semikonduktor dari Taiwan dan China, jadi syarikat saya dapat mengedarkan produk seperti biasa.



Dalam Perjumpaan Penyembuhan Ilahi pada 13 September, atas kasih Tuhan saya sedar tentang kelemahan diri saya dan menerima rahmat pertaubatan. Kemudian, api Roh Kudus tercurah ke atas saya apabila saya menerima doa Pemangku Pastor Kanan dengan sapu tangan. Dua hari kemudian, sesuatu yang menakjubkan berlaku.

Saya mendapat tahu daripada pembeli Jepun bahawa mungkin ada peluang untuk rakan niaga Jepun saya untuk membekalkan produk CCTV kepada sebuah syarikat besar. Produk itu menggunakan kamera syarikat saya, jadi syarikat saya menjalani pemeriksaan secara teliti.

Pada 10 Oktober, selepas menerima doa daripada pastor paroki utama, syarikat saya telah lulus pemeriksaan pada 12 hari bulan, dan saya menerima tempahan kedua yang membawa banyak keuntungan pada 20 November. Berkat yang lebih besar ialah laluan eksport terbuka untuk bertahun-tahun yang akan datang kerana syarikat Jepun itu mahu mempunyai perdagangan secara berterusan dengan syarikat saya. Haleluyah!

Saya memberi ucapan syukur dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang penuh kasih yang memimpin saya dalam jalan berkat apabila saya bersandar kepada Tuhan dan taat untuk menyenangkan hati-Nya.